

Nama:

No.Kad Pengenalan

Angka Giliran



MOCK TEST 2

1249/2

SEJARAH

Kertas 2

Julai

2 Jam 30 Minit


JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Tulis nombor kad pengenalan dan angka giliran anda pada petak yang disediakan.
2. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian : **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
3. Jawab **semua** soalan dalam **Bahagian A** dan **tiga** soalan daripada **Bahagian B**.
4. Jawapan **Bahagian A** hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan dalam kertas soalan.
5. Jawapan bagi **Bahagian B** hendaklah ditulis dalam helaian jawapan sekolah.
6. Ceraikan **Bahagian B** daripada kertas soalan ini. Ikat helaian jawapan bersama kertas soalan pada akhir peperiksaan.
7. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.
8. Calon adalah dilarang membawa nota dan cuba meniru calon lain semasa peperiksaan.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Nama Pemeriksa:			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
BAHAGIAN A	1	10	
	2	10	
	3	10	
	4	10	
BAHAGIAN B	5	10	
	6	20	
	7	20	
	8	20	
	9	20	
	10	20	
	11	20	
Jumlah		100	

Bahagian A
Jawab semua soalan.
(40 markah)

1. Gambar berikut merupakan gerak hati Asoka semasa Perang Kalingga yang berlaku pada 261 SM yang telah mengorbankan 100,000 nyawa dan mencederakan 150,000 orang



- (a) Pada pandangan anda, apakah usaha yang diambil oleh Asoka selepas melihat kesan daripada perbuatan yang dilakukannya itu?

.....

.....

.....

[2 Markah]

- (b) Mengapakah Asoka bertindak sedemikian?

.....

.....

.....

[2 Markah]

- (c) Apakah langkah sesuai yang perlu diambil oleh sesebuah negara supaya tidak terlibat dalam kancang peperangan?

.....

.....

.....
.....

[3 Markah]

(d) Dalam era globalisasi kini, pelbagai cara boleh dilakukan oleh sesebuah negara bagi meluaskan pengaruh dan meningkatkan imej mereka.
Berikan ulasan anda.

.....
.....
.....
.....

[3 Markah]

2. Maklumat berikut antara kandungan isi Piagam Madinah yang dirangka berasaskan persetujuan orang Islam (Muhajirin dan Ansar) dan orang bukan Islam (Yahudi dan suku Arab yang lain) yang dapat menjamin kehidupan dalam keadaan aman dan harmoni di kota Madinah.

Fasal 1

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah Lagi Penyayang : Inilah kitab (Piagam Bertulis) dari Nabi Muhammad, pesuruh Allah bagi orang-orang yang beriman dan orang-orang yang memeluk Islam dari Quraisy dengan penduduk Yathrib dan orang-orang yang bersama mereka lari masuk ke dalam golongan mereka dan berjuang bersama-sama mereka.

Fasal 2

Bahawa mereka adalah satu umat (bangsa) berbeza dari manusia-manusia lain.

Fasal 16

Bahawa orang-orang Yahudi yang menyertai kita hendaklah mendapatkan pertolongan dan pimpinan dengan tidak menzalimi dan tidak boleh ada pakatan tidak baik terhadap mereka.

Fasal 17

Bahawa perdamaian orang-orang mukmin itu adalah satu dan sama, oleh itu tidak boleh dibuat perjanjian dengan mana-mana orang mukmin tanpa diturut serta oleh mukmin yang lain dalam sesuatu perang pada jalan Allah, melainkan dengan dasar persamaan dan keadilan di kalangan mereka

Fasal 24

Bahawa orang-orang Yahudi hendaklah turut serta membelanja sama-sama dengan orang-orang mukmin selama mana mereka itu berperang

Fasal 25

Bahawa kaum Yahudi dari Bani Auf adalah satu ummah bersama orang-orang mukmin, mereka bebas dengan agama mereka sendiri (Yahudi) dan orang Islam dengan agama mereka (Islam), begitu juga orang-orang yang sekutu mereka dan begitu juga diri mereka sendiri, melainkan sesiapa yang zalim dan berbuat dosa maka hal itu tidak akan menimpa melainkan dirinya dan keluarganya sendiri

Fasal 37

Bahawa orang-orang Yahudi hendaklah menbiayai negara seperti mana orang-orang mukmin juga hendaklah menbiayai negara; dan hendaklah mereka sama-sama tolong-menolong menentang sesiapa jua yang memerangi orang-orang yang menganggotai Piagam ini; dan hendaklah mereka saling nasihat-menasihati, sama-sama membuat kebajikan terhadap perbuatan dosa.

<http://www.kitabklasik.net/2008/05/piagam-madinah.html>

- (a) Berdasarkan maklumat di atas, mengapakah persetujuan semua masyarakat perlu dalam membentuk sebuah negara yang stabil?

.....
.....
.....

[3 Markah]

(b) Apakah iktibar perlembagaan Madinah berdasarkan masyarakat majmuk berbilang kaum di Malaysia ?

.....
.....
.....
.....

[3 Markah]

(c) Masalah perpaduan kaum di Malaysia masih belum kukuh.

Mengapakah masalah ini masih berlaku?

.....
.....
.....

[2 Markah]

(d) Bagaimanakah masalah tersebut boleh diatasi oleh masyarakat Malaysia kini?

.....
.....
.....

[2 Markah]

3. “.... Satu Sidang Kemuncak diadakan di Manila pada akhir Julai 1963 oleh Tunku Abdul Rahman, Soekarno dan Macapagal untuk menyelesaikan pertikaian tentang pembentukan Malaysia dan kes Borneo Utara. Kerajaan Filipina dan Indonesia bersetuju untuk menyokong pembentukan Malaysia sekiranya terbukti mendapat sokongan penduduk terbabit dan disahkan oleh PBB. Persetujuan dicapai pada 9 Julai 1963 antara kerajaan British dan Tanah Melayu tentang penubuhan Malaysia pada 31 Ogos 1963. Walaupun hubungan Malaysia dengan Filipina telah pulih, tetapi Kerajaan Filipina masih belum menggugurkan tuntutan ke atas Sabah....”

Ubah suai daripada NIK ANUAR NIK MAHMUD, Ph. D., Profesor bidang Sejarah. Sejarah Perjuangan Melayu Patani 1785-1954 (1999), Konfrontasi Malaysia-Indonesia (200) dan Pulau Ligitan: Isu Sempadan dan Kedaulatan juga diterbitkan oleh Penerbit UKM.

- (a) Mengapakah kerajaan Filipina masih lagi menuntut Sabah daripada kerajaan Malaysia sehingga kini ?

.....

.....

.....

.....

[3 Markah]



- (b) Berdasarkan maklumat sejarah yang anda peroleh, mengapakah Malaysia patut menolak tuntutan tersebut?

Berikan hujah anda.

.....

.....

.....

.....

[3 Markah]

Peristiwa pencerobohan warga Filipina di perairan Sabah yang kerap berlaku kini merupakan suatu ancaman kepada keselamatan negara.

(c) Pada pendapat anda, mengapakah keadaan ini berlaku?

.....
.....
.....

[2 Markah]

(d) Apakah tindakan untuk mengatasi masalah di atas?

.....
.....
.....

[2 Markah]

4.



“Wawasan 2020 telah dicetuskan oleh Tun Dr. Mahathir B. Mohamad pada 28 Februari 1991. Antara cabaran wawasan 2020 ialah membina masyarakat yang maju dan saintifik. Penguasaan sesebuah masyarakat terhadap ilmu pengetahuan terutamanya yang bertunjangkan sains dan teknologi sering menjadi ukuran kejayaan sesuatu bangsa.

(a) Apakah ciri-ciri kemajuan bersepadu dalam wawasan 2020 ?

.....
.....
.....
.....

[3 Markah]

(b) Buktikan beberapa ciptaan rakyat Malaysia dalam bidang sains dan teknologi yang memberi manfaat kepada seluruh dunia.

.....
.....
.....
.....

[3 Markah]

(c) Sebagai seorang saintis, apakah program yang boleh dianjurkan bagi meningkatkan kesedaran rakyat terhadap bidang sains dan teknologi.

.....
.....
.....
.....

[4 Markah]

BAHAGIAN B

Jawab 3 soalan sahaja (60 markah)

5. Maklumat berikut berkaitan faktor kemajuan kerajaan Angkor.

- Pengairan
- Iklim sesuai

(a) Mengapakah faktor di atas menjadi pemangkin kemajuan sesebuah kerajaan agraria?
Berikan hujah anda berdasarkan kedua-dua maklumat di atas.

[4 markah]

(b) “Malaysia mampu menjadi sebuah negara pertanian yang maju”.
Buktikan.

[6 markah]

(c) “Krisis makanan ancaman kepada dunia”.
Pada pendapat anda, mengapakah keadaan tersebut berlaku?
Berikan cadangan anda untuk mengatasi masalah tersebut.

[10 markah]

6. Maklumat yang diberi berhubung kait dengan undang-undang adat di Kepulauan Melayu



(a) Terangkan perbezaan yang wujud antara adat Perpatih dan Adat Temenggung.

[8 markah]

(b) Peribahasa Melayu “biar mati anak, jangan mati adat” jelas membuktikan masyarakat Melayu sangat mementingkan adat?
Jelaskan kebenarannya.

[6 markah]

(c) Pada pendapat anda, mengapakah undang-undang penting kepada sesebuah negara?

[6 markah]

7. Gambar menunjukkan Gerakan *Reformation* yang berlaku di Eropah pada abad ke-16.



(a) Pada pendapat anda, mengapakah gerakan *Reformation* berjaya di negara Jerman?
[6 markah]

(b) Apakah implikasi daripada gerakan *Reformation* ini terhadap dunia Eropah dan masyarakat dunia hari ini?
[8 markah]

(c) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, mengapakah agama atau kepercayaan penting kepada sesebuah masyarakat?
[6 markah]



8. Gerakan pemimpin-pemimpin tempatan di atas telah berlaku untuk menentang James Brooke di Sarawak.

(a) Jelaskan sebab pemimpin tersebut menentang British di Sarawak.
[6 markah]

(b) Nyatakan peristiwa penentangan tokoh-tokoh nasionalis Sarawak terhadap James Brooke.
[8 markah]

(c) Apakah iktibar yang anda peroleh daripada sejarah perjuangan tokoh-tokoh nasionalis tanah air kita untuk menentang penjajah Barat ?

[6 markah]

9. Dialog berikut merujuk kepada reaksi orang Melayu terhadap pengenalan Malayan Union di Tanah Melayu oleh British pada 1946.

Dialog 1	Orang Melayu tidak mengangkat senjata seperti Parti Komunis Malaya dalam menentang Malayan Union
Dialog 2	Mereka hanya menulis dalam akhbar, berdemonstrasi, berkongres dan memujuk raja-raja Melayu untuk menyokong penentangan terhadap British
Dialog 3	Sikap politik orang Melayu yang sederhana telah mendorong British menerima kehendak orang Melayu

- (a) Wajarkah langkah orang Melayu menentang Malayan Union sebagaimana yang dinyatakan dalam maklumat di atas?
Berikan ulasan anda.
- [4 markah]

- (b) Pengenalan Malayan Union merupakan satu bentuk dasar *neokolonisasi* British di Tanah Melayu.
Jelaskan.
- [4 markah]

- (c) i. Tindakan orang Melayu menghalang British melaksanakan pentadbiran Malayan Union di Tanah Melayu telah berjaya memperkukuhkan *status quo* orang Melayu sebagai penduduk asal Tanah Melayu. Buktikan.
- [6 markah]

- ii. Sebagai rakyat yang bertanggungjawab, mengapakah cara berdiplomasi lebih baik berbanding cara kekerasan untuk menyuarakan perasaan tidak puas hati terhadap pentadbiran negara?
- [6 markah]

10. Perlembagaan Malaysia yang diperkenalkan pada 16 September 1963 mengandungi 183 Perkara.

- (a) Mengapakah perlembagaan negara dianggap luhur dan tinggi ?
- [6 Markah]

- (b) Berikan tujuan pindaan perlembagaan.
- [6 Markah]

- (c) i. Apakah kepentingan perlembagaan negara dalam menjamin keharmonian rakyat?
- [4 Markah]





- ii. Pada pendapat anda, apakah yang akan terjadi sekiranya sesebuah Negara tidak mempunyai perlembagaan ?

[4 Markah]

11. Antara matlamat penubuhan ASEAN adalah untuk mengekalkan kestabilan dan keamanan politik di rantau Asia Tenggara. Namun terdapat segelintir negara ahli ASEAN yang terlibat dalam konflik kuasa-kuasa besar dunia.

- (a) Nyatakan sumbangan Malaysia dalam ASEAN untuk memastikan kestabilan dan kemakmuran politik di rantau Asia Tenggara.

[6 markah]

Tentera Laut					
Negara	Kapal kombatan utama ¹	Kapal kombatan ¹	Kapal kombatan kecil ¹	Kapal selam	Pesawat
 Indonesia ^{[31][32][33]}		34	52	6	67
 Thailand ^[34]	1	15	32		87
 Singapura ^[35]		12	18	6	
 Malaysia	25	50	50	2	50

¹Kapal kombatan utama; pengangkut pesawat, kruiser, pembinasa
Kapal kombatan; frigat, korvet
Kapal kombatan kecil; kapal ronda, OPV

- (b) Negara-negara ASEAN juga turut terheret sama dalam perlumbaan senjata. Jelaskan punca dan kesan situasi ini jika berterusan di kalangan negara ASEAN.

[10 markah]

- (c) Pada pandangan anda, wajarkah kuasa veto diberikan kepada negara-negara ASEAN. Ulaskan.

[4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT